UM - 3 SEP 1984

# DEB: Harga bagi kestabilan

**KUALA LUMPUR 2 Sept. — Perdana Menteri Datuk Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menegaskan bahawa kesan-kesan Dasar Ekonomi Baru (DEB) hendaklah juga dipandang dari sudut kestabilan politik yang dicapai.**

Sambil membidas para pengkritik DEB yang menyatakan dasar itu menyekat pertumbuhan ekonomi, beliau berkata mereka gagal menyedari hakikat bahawa itulah harga yang ditanggung oleh negara bagi mendapatkan kestabilan politik.

Perdana Menteri berkata, manakala kerajaan sedia mengakui bahawa pertumbuhan ekonomi yang tersekat adalah satu dari kesan sampingan atau rintangan DEB, perbandingan tidak mesti dibuat dengan andaian sekiranya dasar itu tidak diwujudkan.

"Tidak ada pelabur yang sanggup menghadapi risiko melabur dalam sebuah negara yang tidak stabil keadaan politiknya tetapi bila kerajaan merangka dasar-dasar yang menentukan kestabilan politik, ada orang lupa peri mustahaknya kestabilan politik kepada perniagaan dan selanjutnya kepada pertumbuhan ekonomi.

menawarkan usahasama sebagai balas kepada pengaruh; ini merupakan cara yang terbaik bagi tidak mendapatkan apa yang dikehendaki," tambah Perdana Menteri.

Mengenai penswastaan, beliau memberitahu, kerajaan telah menggubal garis panduan untuk penswastaan yang akan dihebahkan tidak lama lagi dan telah mengenalpasti bidang-bidang yang hendak diswastakan tetapi sanggup menimbang sebarang cadangan.

Katanya, setengah perkhidmatan yang akan diswastakan adalah besar dan tidak ada seorang atau sebuah syarikat yang akan dapat mengendalikannya dan peniaga - peniaga Malaysia mesti belajar untuk bekerjasama.

"Idea yang menyatakan bahawa sesebuah syarikat itu dapat berjaya sekiranya seseorang itu menguasai 51 peratus mestilah dihapuskan kerana adalah tidak adil seseorang yang memegang 49 peratus dari saham syarikat tidak boleh bersuara lebih, sedangkan modal berbayarnya sehingga berjuta - juta," ujar beliau.

"Hanya dengan penerimaan bahawa syarikat - syarikat boleh dijalankan dengan pemegang - pemegang saham minoriti, kita dapat membina syarikat - syarikat besar. dan dengan syarikat - syarikat ini sajalah dapat mengambilalih agensi - agensi kerajaan yang besar," jelas Perdana Menteri.

Dalam hubungan ini, beliau mengalu - alukan penubuhan syarikat pelaburan UNICO yang 'ditubuhkan oleh ACCCIM dan berharap ia dapat menemui peranannya dalam konteks penswastaan perkhidmatan - perkhidmatan kerajaan yang besar seperti keretapi, telekom dan syarikat penerbangan.

"Hakikatnya ialah tiap sesuatu mempynyai harganya dan kestabilan politik adalah tidak terkecuali," tegasnya ketika berucap merasmikan mcsyuarat agung tahunan kc-38 Ciabungan Dewan-Dewan Perniagaan dan Perusahaan Cina Malaysia (ACCCIM) di sini.

Menyentuh ACCCIM, Datuk. Sri Dr. Mahathir menyeru supaya ia menumpukan perhatian terhadap perniagaan dan perindustrian serta tidak melibatkan kegiatan-kegiatan lain kcrana dewan-dewan itu. tidak harus dijadikan alat untuk tujuan lain.

Beliau berkaia, kerjasama Mciayu dengan Cina dalam bidang perniagaan adalah penting untuk mcncapai matlamat DEB.

"Adalah lebih baik memperolehi atau menubuhkan syarikat - syarikat baru SC-cara usahasama antara bumiputcra dan bukan bumiputcra supaya penglibatan kerajaan dalam perniagaan dapat dikurangkan kerana kerajaan tidak bolch sclamanya mendapatkan saham-saham yang perlu bagi bumiputera," ujar beliau.

Katanya, kerjasama antara bumiputera dan bukan

bumiputera dalam bidang perniagaan dan perindustrian mestilah tulcn yang mana buniiputcra tak sepatutnya mengharapkan saham percuma atau jawatan tanpa kcrja.

"Mereka sepatutnya melibatkan diri dan meningkatkan kemahiran mereka melalui pembclajaran dari rakan-rakan perniagaan mereka sementara yang bukan bumiputera pula janganlah melakukan tindakan hingga menycbabkan rakan-rakan niaga bumiputera mereka meminjamkan nama mereka dcngan bayaran.

"Saya dapati tcrdapat orang mendwarkan wang sebanyak satu atau dua juta ringgit kepada mcrcka tetapi yang jelas tidak sesuai sebagai rakan niaga mereka," ujar beliau.

"Terdapat ramai orang pergi ke kawasan pilihanraya saya untuk mcncari orang-orang yang mungkin rapat dengan saya untuk